



## **KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**

### **LAPORAN SIASATAN EAIC MENGENAI PENGIMPOR DAN EJEN KASTAM YANG DIDAPATI MELANGGAR PERINTAH TETAP KASTAM**

***UNTUK SIARAN SEGERA  
3 JUN 2025***

---

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) telah menerima aduan terhadap Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) kerana didakwa tidak mengambil tindakan membatalkan lesen pengimport dan ejen Kastam yang telah melanggar Perintah Tetap Kastam. Siasatan ini dijalankan berdasarkan kepada aduan yang diterima mengikut subseksyen 27(4) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700].

#### **HASIL SIASATAN**

Siasatan mendapati terdapat kelemahan dalam proses meluluskan Borang Pengikraran Kastam bagi melepaskan barang dagangan import dan terdapat pengimport serta ejen Kastam yang telah membuat pengikraran tanpa mematuhi Perintah Tetap Kastam sedia ada.

Sehubungan itu, EAIC memutuskan untuk merujuk syor penambahbaikan kepada pihak JKDM bagi meningkatkan kawalan dan pematuhan ke atas Perintah Tetap Kastam oleh pengimport dan ejen Kastam. Mesyuarat juga mengesyorkan agar JKDM mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana pengimport dan ejen Kastam yang didapati melanggar Perintah Tetap Kastam.

**#TAMAT#**

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)  
PUTRAJAYA**

---

*Untuk maklumat lanjut berkaitan kenyataan media ini sila hubungi Unit Komunikasi Korporat,*

*EALC di talian 03 8880 5719 / 03 8880 5721 / 03 8880 5731.*